# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 16 OGOS 2015 (AHAD)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Set political agenda aside and support initiative, says Hisham | New Sunday Times |
| 2. | Menabung untuk pendidikan | Harian Metro |
| 3. | Sambutan 10 tahun Biotechcorp | Mingguan Malaysia |
| 4. | Elak kawasan terbuka | Harian Metro |

**KERATAN AKHBAR**
**NEWS SUNDAY TIMES (NEWS): MUKA SURAT 9**
**TARIKH : 16 OGOS 2015 (AHAD)**

# Set political agenda aside and support initiative, says Hisham

**THE** setting up of the National Consultative Committee for Political Financing (JKNMPP) is key to promoting transparency among parties across the political divide.

Those who lauded the JKNMPP initiative, which will lead to the drawing up of an action plan to promote integrity in political funding, said once this was in place, it would be imperative for all political parties to observe it. This, they said, should be the case, even if it meant disclosing sources of their funds.

In **Padang Besar,** Umno vice-president Datuk Seri Hishammuddin Hussein, in welcoming the move, said all political parties must set their political agenda aside and be rational and support the initiative.

"There are those who are not (rational)... Maybe they have a certain agenda, and moved to twist and view this whole idea negatively.

"It is such a good move and the prime minister should just do it," he said after opening the Umno division meeting in Perlis yesterday.

In **George Town,** Malacca Chief Minister Datuk Seri Idris Haron said JKNMPP underlined the ruling party's commitment to enhancing transparency.

"This move to promote transparency serves to disclose donations received by each political party.

"So far, Umno is the only party that is being criticised for what it has received. I have never heard of any other party, especially from the opposition, disclosing their funds.

"When this is regulated, each party will have to say how much they have received and spent," he said at the Tanjong Umno division delegates' meeting yesterday, adding that subjecting the trail of political donations and spending to auditing should be a basic principle for political parties.

Idris said there should be no reason why the opposition would object to the plan as it, too, should have no qualms about disclosing its political funding.

"You cannot tell people what to do if you are keeping quiet about your coffers.

"They also have large sums being channelled into their accounts and if they were from donations, they have to declare the sources."

→ *Continued next page*

# 'System will ensure integrity'

→ *From Page 8*

In **Jempol,** Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek cited the United States' example in managing political funds.

He said a sound check and balance system would serve to protect the integrity of political parties.

"In the US, political funds are made public and audited from time to time. They have to declare who their funders are and how much is spent for election-related activities, including campaigning and advertising," he said after officiating the Jempol division wings' delegates meeting in Negri Sembilan yesterday.



*Datuk Madius Tangau*

Shabery said that the establishment of the committee was not because of the 1Malaysia Development Bhd (1MDB) controversy, as Prime Minister Datuk Seri Najib Razak had proposed the initiative many times before.

Gerakan president Datuk Mah Siew Keong said it was high time political funding was regulated.

"There will be greater transparency when laws to deal with such financing are developed. We hope there will be cooperation from all parties," he said.

The JKNMPP will be chaired by Datuk Paul Low Seng Kuan, with Datuk Seri Idris Jala as his deputy. Both are ministers in the Prime Minister's Department.

DAP's Liew Chin Tong yesterday said the committee should have been established earlier.

The party, he said, was all for transparency concerning the funding of parties and elections.

In **Tuaran,** the United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation (Upko) said it would submit its own views to the committee for consideration.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Madius Tangau, who is also the party's acting president, said the party was looking forward to the benchmarks that the committee would be setting.

In **Kuching,** Parti Rakyat Sarawak (PRS) president Tan Sri James Jemut Masing said the move was the best way to reduce political corruption during elections.

James, who is also state land development minister, said the public could also have access to an election candidate's financial position, including sources of his funds, before casting their votes.

"At the same time, the setting up of the council would also enable the Election Commission to monitor whether an election candidate is spending within the limits or otherwise."

In **Johor Baru,** Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the JKNMPP was a good move.

He believed parties from both sides of the political divide should follow it as it would only lead to good things.

"It is a good thing as will control and determine political funds which are accepted or distributed (in a party). I believe every party will accept it, including those from the opposition. We welcome the move."

In **Muar,** DAP adviser Lim Kit Siang said DAP was agreeable to any proposal that required political parties to reveal their funding sources.

"We agree to this as this will ensure transparency of political funds. We hope Umno, MCA, MIC and other political parties will do the same," Lim said at a meet-the-people dialogue yesterday.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 27
TARIKH : 16 OGOS 2015 (AHAD)

# Menabung untuk pendidikan

■ SSPN-i Plus permudah akses pelajar lanjut pelajaran



HADIRIN pada Majlis Mesra PTPTN Bersama Pelanggan 2015, semalam.

Oleh Erdiehazzuan Ab Wahid
hmkk@hmetro.com.my
**Kota Kinabalu**

Pelancaran produk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)-i Plus oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diyakini mampu mengatasi masalah keciciran dalam kalangan pelajar yang mahu melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau berkata, produk terbaru itu turut memberi peluang kepada orang ramai membuat tabungan yang dijamin sepenuhnya oleh kerajaan.

"Amalan menabung perlu diterapkan dalam minda masyarakat yang masih kurang melaksanakan perancangan kewangan dengan baik.

"Oleh itu, melalui SSPN-i Plus, ia akan memberikan pelbagai keistimewaan kepada penyimpan tanpa membebankan kerana ia menawarkan pelan simpanan dengan pelbagai pilihan pakej," katanya ketika merasmikan Majlis Mesra PTPTN Bersama Pelanggan 2015 peringkat negeri di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Eksekutif PTPTN Agos Cholan dan Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN Mastura Mohd Khalid.

Terdahulu, teks ucapan Madius dibacakan Setiausaha Politiknya Joisin Romut.

Madius berkata, kewujudan SSPN-i Plus menepati sebahagian besar kehendak rakyat di negara ini khususnya dalam kalangan masyarakat Islam.

"Produk ini berbentuk skim simpanan disertai takaful yang sentiasa berpandukan sistem kewangan berlandaskan syariah. Pendeposit bukan saja melabur untuk tujuan pendidikan, malah turut mendapat perlindungan takaful, dividen yang begitu kompetitif serta pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun.

"Justeru, saya menyeru semua rakyat di negara ini untuk merebut peluang disediakan dengan menyertai SSPN-i Plus,"katanya.

Beliau berkata, PTPTN ditubuhkan berasaskan iltizam kerajaan bagi membolehkan lebih ramai rakyat di negara ini mempunyai akses kepada pengajian tinggi.

"Melalui penubuhan PTPTN, akses kepada pendidikan tinggi semakin meningkat apabila lebih 200,000 pelajar setiap tahun berpeluang menjejakkan kaki ke Universiti Awam (UA) mahupun IPT swasta melalui cara pembiayaan PTPTN," katanya.

# Sambutan 10 tahun Biotechcorp



**BiotechCorp telah dikenali dan diiktiraf sebagai penggerak utama industri berasaskan bio yang mampu memberi impak positif di dalam pembangunan negara menjelang 2020 sekali gus meletakkan Malaysia sebagai salah satu hub industri berasaskan bio dunia**

SEMPENA ulang tahun Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn. Bhd. (BiotechCorp) yang ke -10, sebuah agensi di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pelbagai sambutan dirancang bagi meraikannya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal berkata, tahun ini menunjukkan perkembangan pesat dalam membangunkan industri berasaskan bio di negara ini dan segala usaha telah mempercepatkan lagi pencapaian sasaran di bawah Dasar Bioteknologi Negara (DBN).

"Malaysia berada dalam fasa kedua DBN "Sains ke Perniagaan" (2011-2015).

"Jumlah pekerjaan dalam industri berasaskan bio telah meningkat dari 54,776 di fasa satu kepada 83,400 di fasa kedua dengan jumlah 138,176," katanya di Putrajaya baru-baru ini.



DR. MOHD NAZLEE

Industri Bioteknologi Negara akan menyumbang 2.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KNDK) pada akhir tahun 2020.

BiotechCorp bertanggungjawab menganugerah Status BioNexus kepada syarikat berkelayakan yang beroperasi dalam industri bioteknologi dan industri melibatkan sains hayat.

Dr. Mohd Nazlee berkata, status BioNexus memberi insentif fiskal, geran dan jaminan untuk membantu pertumbuhan syarikat berasaskan bio yang layak.

"Syarikat berstatus BioNexus telah meningkat daripada lima buah pada tahun 2006 kepada 261 buah setakat ini.

"Syarikat ini telah menjana RM6.42 bilion nilai pelaburan diluluskan dan beberapa syarikat telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengeksportan," katanya.

Malaysia juga menjadi negara pertama di Asia Tenggara dan kedua di Asia melancarkan inisiatif bioekonomi yang dipanggil Program Transformasi Bioteknologi (BTP).

Mohd Nazlee berkata, BTP yang dilancarkan pada tahun 2012 dan diterajui oleh BiotechCorp adalah platform bagi industri berasaskan bio menyumbang secara positif kepada agenda pembangunan lestari di Malaysia, meningkatkan daya saing industri, menggalakkan perkongsian awam-swasta, menarik pelaburan asing dan membawa faedah sosio-ekonomi kepada negara.

Atas usaha BiotechCorp, kerjasama telah berjaya diwujudkan dengan beberapa pemain bioekonomi antarabangsa untuk merangsang pertumbuhan bioekonomi.

Pada Jun lalu, BiotechCorp telah melancarkan pejabat perdana pertamanya, BiotechCorp International Inc. (BII) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS).

Pejabat ini adalah platform menghubungkan sektor berasaskan bio dan bioteknologi di negara ini kerana AS adalah hab pemodal teroka bioteknologi dan pemberi dana serta salah satu daripada pasaran bioteknologi utama di dunia.

"Tahun ini, BiotechCorp telah dinobatkan sebagai WBM Industry Champion 2015 oleh WBM Bio Business Award (pemenang tahun 2014 ialah Syarikat Coca Cola) dan Excellence in Biotechnology oleh Global Leadership Awards.

"BiotechCorp telah dikenali dan diiktiraf sebagai penggerak utama industri berasaskan bio yang mampu memberi impak positif di dalam pembangunan negara menjelang 2020 sekali gus meletakkan Malaysia sebagai salah satu hub industri berasaskan bio dunia," katanya.

BioMalaysia dan Bioekonomi ASEAN 2015 merupakan acara tahunan terpenting dalam sektor industri berasaskan bio dengan mewujudkan platform perkongsian inovasi dan teknologi berimpak tinggi yang mampu memacu bioekonomi



PERTANIAN antara salah satu cabang penting bioteknologi.



BIOTEKNOLOGI turut menyumbang kepada KDNK negara.

di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Acara kali ke-13 akan bermula esok sehingga 19 Ogos 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Program ini dianjurkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), BiotechCorp dan My Events International.

Bertemakan Bioekonomi ASEAN: Biodiversity kepada Kesejahteraan Diri, acara ini disasarkan untuk merealisasikan potensi biodiversiti di ASEAN bagi mewujudkan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri di rantau ini.

"Acara tahun ini istimewa bagi BiotechCorp sempena meraikan ulang tahun ke-10 dan pada masa sama Malaysia mempengerusikan PertubuhanNegara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

"Persidangan dan pameran BioMalaysia dan Bioekonomi ASEAN 2015 memberi tumpuan kepada



> **Syarikat yang mengambil bahagian dilengkapi dengan pengetahuan dan alat perniagaan termasuk rangkaian untuk mengembangkan pasaran.**

bioekonomi di rantau ASEAN," katanya.

Melalui pameran dan persidangan BioMalaysia dan ASEAN Bioekonomi 2015, para peserta dan orang ramai dapat meningkatkan kesedaran tentang teknologi, inovasi dan produk menarik dan terbaru dari syarikat berasaskan bio tempatan, serantau dan antarabangsa.

Pameran BioMalaysia dan ASEAN Bioekonomi 2015, menampilkan 200 tapak pameran dari 10 negara.

Pameran bertumpu kepada industri kesihatan dan kesejahteraan diri berasaskan bio bakal menarik lebih kurang 10,000 pengunjung dari merata dunia.

Buat pertama kali, pameran tahun ini akan memperkenalkan aspek perniagaan kepada pengguna, di mana peserta dapat membeli pelbagai produk penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri.

Selain itu, jelas Mohd. Nazlee, seramai 25 penceramah antarabangsa dan 30 penceramah dari Malaysia yang juga pakar dalam bidang bioteknologi hadir di Persidangan BioMalaysia dan ASEAN Bioekonomi 2015.

Biotechcorp akan menganjurkan malam anugerah bagi mengiktiraf pencapaian peserta dan syarikat yang cemerlang dalam industri berasaskan bio.

Anugerah ini termasuk:

**i. Anugerah Bioexcellence 2015,** memberi pengiktirafan kepada organisasi atau individu serta ahli media untuk pencapaian dan usaha mereka dalam industri berasaskan bio di Malaysia.

**ii. Anugerah BioNexus Status,** salah satu usaha BiotechCorp menghargai syarikat berstatus BioNexus yang telah menunjukkan percapaian cemerlang.

**iii. Anugerah BioNexus Partners (BNP),** memberi pengiktirafan bagi pencapaian dan prestasi makmal yang memberangsangkan dalam menyediakan perkhidmatan dan kepakaran berasaskan bio.

Mohd Nazlee berkata, selain persidangan dan pameran, sesi pemadanan perniagaan, program sampingan dan mesyuarat industri turut diadakan.

## PROGRAM BERKAITAN

**1) BioShoppe**

- Satu strategi penjenamaan bagi mempamerkan dan mempromosikan pelbagai bio-produk yang ditawarkan syarikat BioNexus.
- BioShoppe di BioMalaysia dan ASEAN Bioekonomi 2015 memaparkan produk yang dibekalkan oleh syarikat BioNexus.

**2) BioCareer 2015**

- BioCareer merupakan platfom bagi industri mempamerkan kepelbagaian kerjaya dan peluang pekerjaan.
- Pameran interaktif kerjaya bioteknologi dan platform kejurulatihan kerjaya.

Antara yang menarik di BioCareer 2015 adalah:

**a.** Pelancaran komik bertemakan bio hasil kerjasama Syarikat Ustad Don Daniyal, KuisCell dan BiotechCorp.

**b.** Studio 1310 - menawarkan bimbingan kerjaya individu bersama tenaga pengajar

**c.** Sesi motivasi kerjaya - panduan pemilihan kerjaya bersama tenaga pengajar dan selebriti Azhar Sulaiman.

**d.** Pelancaran Biotechnology Entrepreneurship Special Training (BeST) oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Khairy Jamaluddin

**3) Bio@rt**

- Satu ungkapan bioteknologi dalam bentuk seni. Pertandingan telah diperkenalkan pada tahun 2013 yang memberi tumpuan kepada Sekolah Seni di Johor.
- Bio@RT 2.0 merupakan pertandingan foto terbuka kepada semua pelajar universiti seluruh Malaysia dengan tema "Pandangan Melalui Lensa: Kerjaya dalam Bioteknologi", pertandingan bertumpu kepada kepelbagaian kerjaya dalam industri bioteknologi.

**4) Hari Bioekonomi**

- Dianjurkan oleh BiotechCorp buat kali pertama selepas beberapa siri bengkel dan sesi makmal BTP diadakan untuk mengenal pasti projek berasaskan bio di Malaysia.
- Bertindak sebagai platform menyerlahkan pencapaian terkini BTP dan memberi kesedaran tentang BTP dan peluang kepada sektor swasta dalam industri berasaskan bio.

**5) Pengijazahan Bioeconomy Accelerator Programme**

- Menandakan kejayaan program mentor di bawah Bioeconomy Accelerator Programme oleh BiotechCorp bersama Larta Institute dari California, AS.
- Syarikat yang mengambil bahagian dilengkapi dengan pengetahuan dan alat perniagaan termasuk rangkaian untuk mengembangkan pasaran.
- Peserta atau syarikat berkongsi kisah kejayaan dan membincang tentang kepentingan inovasi kepada masa depan inisiatif bioekonomi Malaysia.

Pengunjung pameran, tiada bayaran dikenakan dan hanya perlu mendaftar di kaunter.

Pembaca yang ingin mengetahui tentang acara ini boleh layari laman web *www.biomalaysia.com.my* atau Facebook (*www.facebook.com/biomalaysia2015*), Twitter (*twitter.com/biomalaysia*), Instagram (*instagram.com/biomalaysia/*) atau e-mel di *biomalaysia@myevents.com.my* atau telefon 03-5891 6679.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 39
TARIKH: 16 OGOS 2015 (AHAD)

# Elak kawasan terbuka

**Kuala Lumpur:** Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di kawasan lapang dan terbuka pada lewat petang berikutan ribut petir yang dijangka semakin kerap pada Oktober ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Alui Bahari berkata, cuaca itu berpunca daripada awan kumulusnimbus atau dikenali sebagai awan petir yang terbentuk ketika hujan perolakan pada hari panas.

"Walaupun April dan Oktober waktu paling kerap berlaku hujan perolakan, Mei sehingga Ogos juga ada berlaku ribut petir dan ia semakin kerap menjelang Oktober.

"Ribut petir bukan saja boleh menyebabkan kerosakan harta benda, malah mengancam nyawa terutama jika berada di kawasan lapang dan terbuka," katanya kepada Metro Ahad, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai insiden menimpa seorang warga emas yang maut ditimpa pokok tumbang ketika hujan ribut dan angin kencang di Raub, Pahang.

Dalam kejadian jam 4.45 petang itu, mangsa Zulkifli Md Taha, 66, ketika itu sedang menggali liang lahad anak saudaranya di Tanah Perkuburan Rotan Tunggal.

Seorang lagi mangsa, Shah Menan Itam, 56, yang menolong arwah menggali kubur berkenaan parah di kepala dan badan sebelum dikejarkan ke Hospital Raub.

Mengulas lanjut, Alui berkata, ribut petir berlaku apabila cuaca panas pada sebelah pagi menyebabkan proses pengewapan dan udara panas yang naik ke udara semakin menyejuk sehingga terkondensasi untuk membentuk awan petir.

"Awan kumulusnimbus pula akan mengakibatkan hujan ribut yang kebiasaannya disusuli guruh dan petir disebabkan cas elektrik yang terbentuk daripada keadaan tidak stabil," katanya.